

Perdana Menteri bercuti dua ^{BH} ²⁰ 09 JAN 2000 minggu

PUTRAJAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau akan bercuti selama dua minggu bermula 12 Januari ini diikuti dengan lawatan kerja selama seminggu.

Sepanjang pemergiannya, kata Dr Mahathir, semua tugas beliau akan diteruskan oleh Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tetapi bukan sebagai Pemangku Perdana Menteri.

“Mengikut kebiasaannya, apabila saya ke luar negara, Timbalan akan mengambil alih tugas sehingga saya pulang,” katanya dalam satu sidang akhbar di kediaman rasminya, Sri Perdana semalam.

Menurut Dr Mahathir, dalam rangka lawatannya selama seminggu, beliau akan menghadiri Forum Ekonomi Dunia Tahunan dan Mesyuarat Antara Budaya di Davos, Switzerland.

Dalam perkembangan lain, ketika ditanya sama ada Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah akan bertanding bagi jawatan Naib Presiden Umno, Dr Mahathir berkata beliau tidak dapat membuat pengesahan mengenainya.

“Setakat yang saya tahu, beliau belum membuat sebarang kenyataan mengenai hasratnya dan saya tidak dapat berkata apa-apa berhubung hal ini,” katanya.